

23 JUN 1998

TERENGGANU SEDIA KELUARKAN SENARAI NAMA PENERIMA PROJEK

KUALA TERENGGANU, 23 Jun (Bernama) -- Terengganu sedia mengeluarkan senarai nama dan pemilik syarikat yang mendapat projek penswastaaan di negeri ini bagi menunjukkan ketelusan pentadbiran kerajaan negeri, kata Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad.

"Kita tidak mempunyai halangan untuk memberikan kerjasama mendedahkan senarai nama itu seperti yang dilakukan kerajaan pusat sekiranya diminta berbuat demikian," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Beliau berkata selama ini pun kerajaan negeri tidak memberi kepada orang tertentu sahaja untuk mendapatkan projek-projek kerajaan malah ada yang diberikan kepada syarikat-syarikat kecil.

Beliau mengulas pendirian kerajaan negeri terhadap langkah kerajaan pusat mendedahkan senarai nama mereka yang menerima projek-projek kerajaan.

Menurutnya dengan pendedahan itu, ia akan membuktikan tiada apa yang perlu disorokkan kerajaan dan tiada amalan nepotisme atau kronisme dalam pemberian sebarang projek.

Pada Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengarahkan senarai nama penerima saham dan projek kerajaan didedahkan kepada orang ramai sebagai menjawab tuduhan kononnya kerajaan dan parti mengamalkan nepotisme dan kronisme.

-- BERNAMA

SBS RON